

# 'Halangan' tak gugat perjuangan Dr Ismail

B.M 6/05/07, M/S 11  
Sanggup tahan emak jika langgar undang-undang

**D**ATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika memegang jawatan Setiausaha Majlis Gerakan Negara (Mageran) pernah melihat bagaimana Tun Abdul Razak Hussein dan Tun Dr Ismail Abdul Rahman mengendalikan mesyuarat majlis itu, dibentuk pada 16 Mei 1969 selepas sistem demokrasi berparlimen digantung berikutan peristiwa berdarah 13 Mei tahun itu.


Seperti dicatatkan dalam buku ini, Abdullah menceritakan Tun Razak mempengerusikan kebanyakan mesyuarat dan Dr Ismail menjadi timbalan tidak rasmi.

"Tun Razak selalu menoleh kepada Dr Ismail untuk mendapatkan isyarat apabila sesuatu perkara baru ditimbulkan dan jika Dr Ismail mengambil haluan pemikiran bercanggah dengan apa Tun Razak katakan pada mulanya, mesyuarat menjadi lebih panjang dan Tun Razak cuba menerapkan pendapat Dr Ismail.

"Mereka berdua tidak pernah dilihat berbeza pendapat di hadapan umum. Seperti reputasinya, Dr Ismail tegas terhadap kakitangannya sama ada baru, mahupun lama. Beliau tidak menerima apa juga alasan jika dokumen tidak disediakan atau belum disiapkan," kata Abdullah yang kini menjadi Perdana Menteri.

Keadaan darurat diisytiharkan pada Khamis 15 Mei dan Parlimen digantung. Mageran dibentuk keesokan harinya, dengan Tun Razak dilantik sebagai Pengarah Gerakan Negara. Badan itu dibentuk dengan mencontohi badan sama namanya, yang bertindak ketika darurat. Tunku Abdul Rahman sendiri, berusia 66 tahun ketika itu, tidak mahu memegang jawatan Pengarah Mageran, tetapi memberikannya kepada Tun Razak yang berusia 47 tahun.

Alasan diberikan Tunku kemudian ialah pengalaman Tun Razak dalam soal keselamatan dan keadaan kesihatannya sendiri. Perdana Menteri ketika itu menghidap glaukoma dan penyakit lain.



Abdullah dalam buku ini turut menceritakan peristiwa ayahnya sendiri, Ahmad Badawi Abdullah Ibrahim, yang ketika itu Ahli Dewan Undangan Negeri Kepala Batas, mendengar berita Dr Ismail kembali menyertai Mageran di radio. Beliau terus menepuk tangan pada meja dapur lalu berteriak: "Nah, sekarang baru lengkap!"

Abdullah dengan teliti menyusun semua nota diambil pada mesyuarat Mageran dan menjilidnya 'macam ensiklopedia'. Nota itu hingga hari ini masih diberi klasifikasi dokumen sulit. Abdullah menggantikan Abdul Rahman Hamidon sebagai Setiausaha Mageran.

Beberapa bulan menyusuli 13 Mei, Dr Ismail menerapkan pendirian tidak bertolak ansur terhadap semua orang yang dianggapnya membahayakan pemulihan masyarakat kembali seperti sedia kala, baik mereka menyebarkan khabar angin, pelaku keganasan, pekerja kerajaan atau etnonasionalis (ultra) Melayu dalam partinya sendiri. Malah, Dr Ismail pernah memberitahu beliau sanggup menahan emaknya sendiri jika melanggar undang-undang.

Sementara itu, pergelutan antara etnonasionalis Melayu (golongan

ultra) dengan golongan sederhana semakin sengit. Tunku dan segala yang diperjuangkan rejimnya selama 13 tahun lalu kini dicabar kalangan muda Umno, yang malah menyeru diwujudkan pemerintahan satu parti yang mengetepikan kalangan bukan Melayu daripada jawatan kerajaan.

Ada percubaan mengecap Tunku sebagai 'pro-Cina' dan menyalahkan kerajaannya kerana gagal melindungi hak Melayu. Khabar angin berleluasa bahawa Tunku ditolak ke tepi oleh Tun Razak dan didakwa berkongkol dengan golongan 'ultra'.

Khabar angin itu dengan keras dinafikan Tunku dan Tun Razak. Pada 12 Julai 1969, Mahathir Mohamad (kini Tun) dipecat daripada Umno atas tentangnya terhadap Tunku.

Tidak lama kemudian, Musa Hitam, pengkritik Tunku yang awal 'diseludup Tun Razak sebagai ahli berpangkat paling rendah dalam seluruh Kabinet', dihantar ke Universiti Sussex di England untuk 'cuti pengajian', demi menjauhkannya daripada kemarahan Tunku.

Tun Razak berkata kepada pemuda itu jangan bimbang, tunggu saja dan belajar mengikut keadaan. Ketika di Sussex, Musa pernah ke London dan bertembung dengan Dr Ismail di Suruhanjaya Tinggi. Katanya, Dr Ismail menoleh kepada Pesuruhjaya Tinggi lalu berkata: "Tolong perhatikan orang muda ini, kita perlukan dia".

Tengku Razaleigh Hamzah berkata, Dr Ismail mahu Mahathir dipecat. Dr Ismail juga kemudian berperanan menyekat dua percubaan menerima Mahathir kembali menjadi ahli Umno. Pada 15 Julai, Dr Ismail mengenakan larangan atas semua dokumen mengkritik Tunku.

Beliau sangat kkuatir runtuhnya undang-undang dan ketenteraman dan bertekad tidak akan ada rampasan kuasa di negara ini dan tidak ada rampasan kuasa dalam parti.

Kemudian, dalam siaran televisyen, Dr Ismail berkata:

"Saya harus memberi amaran ke-



**LAKSANA TUGAS:** Dr Ismail sebagai Pemangku Perdana Menteri merasmikan sambutan Jubli Perak Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung pada 2 Ogos 1973. Bendahari Agung ketika itu, Annuar Zaini (dua dari kiri).

pada golongan pelampau dan yang lain juga, jika kempen atau kegiatan anti-Tunku dijalankan dengan cara yang boleh menyebabkan perasaan takut atau cemas tidak sepatutnya di kalangan mana-mana kaum, hingga menyebabkan keganasan atau perbuatan melanggar keselamatan atau ketenteraman awam, saya tidak teragak-agak melaksanakan kuasa saya di sisi undang-undang terhadap mereka yang bertanggungjawab bagi perbuatan itu." Dr Ismail turut membidas golongan ultra.

Dr Ismail sudah kembali cergas dalam politik. Tun Razak, Perdana Menteri 'de facto' ketika itu, sedang menghadapi maut dan dikesan menghidap leukemia pada akhir 1969. Sebagai timbalan, Dr Ismail tiada pilihan kecuali meneruskan jawatannya. Hakikatnya, Dr Ismail tidak ada gantinya sebagai Timbalan Perdana Menteri ketika itu. Amat dikesali Dr Ismail, kata keluarganya, ialah tidak sempat pulang ke Johor Bahru untuk berdamai dengan orang tuanya sebelum Abdul Rahman Yassin meninggal dunia pada Mei 1970.

Tunku mengumumkan persaraannya pada 21 September 1970. Sultan Kedah menaiki takhta sebagai Yang di-Pertuan Agong. Dengan itu diatitkan baginda menerima peletakan jawatan Tunku, yang kebetulan bapa saudaranya, pada keesokan hari.

Pada masa sama, Tun Razak dilantik sebagai pengganti. Tun Razak juga mengambil alih jawatan pertahanan dan luar negara, serta me-

**“** Saya tidak teragak-agak melaksanakan kuasa saya di sisi undang-undang terhadap mereka bertanggungjawab bagi mencetuskan kekecohan dan keganasan”

**Dr Ismail**

*Kenyataan dalam siaran televisyen*

lantik Dr Ismail sebagai timbalan. Beliau juga meminta iparnya, Tun Hussein Onn, agar meninggalkan bidang guaman dan mengambil alih Kementerian Pelajaran yang memiliki kepentingan strategi politik.

Tan Siew Sin kembali ke jawatan lama sebagai Menteri Kewangan dan Ghazali Shafie meninggalkan perkhidmatan awam untuk menjadi Menteri Tugas-Tugas Khas, menggantikan Khaw Kai Boh. Tugas Ghazali ialah mengkaji perhubungan kaum, sambil mengetuai Jabatan Perpaduan Negara serta Unit Perancangan Am (UPA), sebuah badan pengawas yang baru ditubuhkan dan diletakkan langsung di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Gandingan kepemimpinan antara Tun Razak dengan Dr Ismail tetap

terjalin dengan rapi.

Sementara itu, persiapan sedang berjalan lancar bagi Perhimpunan Agung Umno yang bakal berlangsung pada 22 sehingga 24 Januari 1970. Itulah perhimpunan pertama sejak rusuhan bulan Mei, dan perhimpunan terakhir dipengerusikan Tunku. Parti dijangka mengalami perubahan besar dalam barisan kepimpinan peringkat pertengahan, yang bakal mencerminkan keputusan pertelingkahan antara pelbagai puak politik selama ini.

Dalam pilihan raya Umno tahun itu, kalangan pengkritik Tunku mencapai kemenangan jelas, walaupun menghadapi serangan balas daripada penyokong Tunku. Sokongan yang mereka terima lebih luas daripada yang dijangkakan dan ketigatiga naib presiden baru datang daripada golongan mereka. Harun Idris menjadi Presiden Pemuda UMNO dan Musa Hitam menjadi timbalannya. Khir Johari, pemegang jawatan setia kepada Tunku, terlepas jawatannya.

Tun Razak dan Dr Ismail keduanya tidak dicabar sebagai presiden dan timbalan presiden. Pengkritik Tunku, Mahathir Mohamad, bukan ahli parti ketika itu dan tidak boleh bertanding. Kemudian dalam Perhimpunan Agung Jubli Perak pada Mei 1971, pindaan Perlembagaan Umno diluluskan bagi menegatkan disiplin parti. Hasilnya, Tun Razak meraih kuasa yang padu atas parti.